

# 20,000 rakyat Malaysia lari ke Singapura

KUALA LUMPUR, Isnin — Kira-kira 20,000 rakyat Malaysia melarikan diri ke Singapura ketika berlaku ketegangan kaum di negara ini pada Oktober 1987, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mendedahkan perkara itu, beliau berkata, ketegangan kaum pada masa itu menyebabkan ramai rakyat cemas dan takut sehingga mereka bertindak dengan tidak rasional.

"Pada 1987, keadaan terlalu tegang hingga ada orang membeli makanan dengan jumlah yang banyak kerana takutkan berlaku kecauan. Ada juga yang takut untuk menghantar anak mereka ke sekolah," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa bertindak menahan lebih 100 orang, termasuk pemimpin pembangkang dan kerajaan dalam Operasi Lalang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk mengawal keadaan.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) di Dewan Rakyat petang ini, beliau menjelaskan, kerajaan bertindak tanpa mengira sama ada orang yang mencetuskan ketegangan adalah pemimpin atau tidak.

Dalam Operasi Lalang, Perdana Menteri berkata, penahanan 14 pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menunjukkan kerajaan tidak bertolak ansur dalam perkara yang boleh mengancam serta menggugat

kestabilan, ketenteraman dan keselamatan negara.

"Jika kerajaan tidak mengambil tindakan awal dan tegas untuk meredakan suasana, besar kemungkinan akan tercetus huru-hara yang akan menjejaskan kehidupan awam serta mungkin menyebabkan pertumpahan darah dan kerosakan harta benda," katanya menjawab soalan asal Haji Buniyamin Yaa-kub (Pas-Bachok).

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan pernah bertindak terhadap pemimpinnya, termasuk membuat tangkapan walaupun mereka Menteri Besar atau Menteri Kabinet.

"Bagaimanapun, selepas ditangkap, biasanya mereka menyokong dan menyertai pembangkang. Daripada dianggap syaitan, mereka diterima sebagai malaikat pula oleh pembangkang," ujarnya.

Perdana Menteri merujuk kepada soalan Encik Lim yang mendakwa kerajaan bersikap tidak adil kerana membezakan tindakannya terhadap pemimpin pembangkang dan kerajaan, khususnya dalam pilihanraya umum Oktober tahun lalu.

Dengan itu, beliau menjelaskan, kerajaan tidak bertindak menangkap pemimpin pembangkang yang membuat ucapan sensitif berhubung isu keagamaan dan perkauman dalam pilihanraya umum itu kerana berpendapat ia tidak sampai ke peringkat bahaya.